

SOALAN OBJEKTIF

1. Jawatankuasa Kerja ditubuhkan pada 25 Julai 1946 untuk membincangkan asas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

(Tingkatan 4, bab 5, halaman 126)

Siapakah yang menganggotai jawatankuasa tersebut?

- A. Wakil UMNO.
- B. Wakil Melayu Radikal.
- C. Gabungan PUTERA-AMJCA.
- D. Perwakilan Sabah dan Sarawak.

2. Pada 16 Jun 1948, komunis telah membunuh tiga orang pengurus ladang Eropah di Sungai Siput, Perak.

Sir Edward Gent

(Tingkatan 4, bab 6, halaman 148)

Apakah tindakan segera yang dilakukan oleh tokoh di atas?

- A. Menguatkan tentera.
- B. Menganjurkan kongres.
- C. Menangkap penjenayah.
- D. Mengisytiharkan darurat.

3. Dalam Sistem Ahli 1951, Dato' Onn Jaafar berfungsi sebagai "Menteri" Hal Ehwal Dalam Negeri Persekutuan Tanah Melayu.

(Tingkatan 4, bab 7, halaman 179)

Beliau bertanggungjawab untuk menjaga

- i. Perkahwinan
- ii. Pilihan raya
- iii. Persempadanan
- iv. Hal ehwal imigran

- A. i dan ii
- B. i dan iv
- C. ii dan iii
- D. iii dan iv

4. Maklumat berikut merujuk peranan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu selepas Pilihan Raya Umum 1955.

- Membincangkan soal kewangan
- Meminta kuasa veto Pesuruhjaya Tinggi dibatalkan
- X

(Tingkatan 4, bab 8, halaman 207)

X merujuk ...

- A. mengetatkan kewarganegaraan
- B. menghapuskan rasuah
- C. mengagihkan kuasa
- D. membincangkan isu keselamatan

5. Rombongan kemerdekaan Tanah Melayu diketuai oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj. Beliau merancang perjalanan rombongan ke Karachi dengan menaiki kapal laut.

(Tingkatan 4, bab 9, halaman 217)

Apakah tujuan beliau berbuat demikian?

- A. Mendapatkan mandat rakyat.
- B. Mempunyai masa untuk berbincang.
- C. Menunggu arahan Majlis Raja-raja.
- D. Memperkuat angkatan pertahanan.

6. Pemisahan Singapura menjadi cabaran utama selepas pembentukan Malaysia.

Apakah faktor utama pemisahan tersebut?

(Tingkatan 5, bab 6, halaman 119)

- A. Kempen Malaysian Malaysia.
- B. Campur tangan Kerajaan British.
- C. Penentangan Indonesia dan Filipina.
- D. Singapura tersisih daripada arus pembangunan.

7. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPN) digubal pada tahun 1988 untuk memperteguh hala tuju dan matlamat pendidikan negara ke arah perpaduan. Apakah penekanan yang diberikan dalam falsafah ini?

(Tingkatan 5, bab 7, halaman 147)

- A. Tenaga kerja mahir.
- B. Kepakaran teknologi.
- C. Pendidikan bersepadu.
- D. Perkembangan ekonomi.

8. Rancangan Buku Hijau peringkat kebangsaan telah dilancarkan oleh Tun Abdul Razak Hussein pada 20 Disember 1974.

(Tingkatan 5, bab 8, halaman 169)

Apakah tumpuan yang diberikan melalui rancangan ini?

- A. Penggunaan tanah.
- B. Kajian dan penyelidikan.
- C. Perbelanjaan berhemah.
- D. Pendapatan negara melalui eksport.

9. Malaysia telah memberikan sumbangan besar dalam menjayakan misi pengaman anjuran PBB di negara yang berkonflik.

(Tingkatan 5, bab 9, halaman 200)

Antara berikut, negara yang manakah Malaysia terlibat dalam misi di atas?

- i. Liberia
 - ii. Congo
 - iii. Somalia
 - iv. Mozambique
- A. i dan ii
B. i dan iv
C. ii dan iii
D. iii dan iv
10. Dalam sidang kemuncak NAM ketujuh di New Delhi, India, Malaysia telah mendesak Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk mengambil langkah khas berkaitan dengan isu Antartika.

(Tingkatan 5, bab 10, halaman 240)

Langkah yang dimaksudkan adalah untuk menjadikan Antartika sebagai

- A. bebas nuklear.
- B. pusat ekonomi.
- C. pangkalan tentera.
- D. warisan manusia sejagat.